

## Peranan Budaya dalam Mempromosikan Keharmonian di Asia Tenggara

MOHAMAD ZAIN MUSA & NIK HASSAN SHUHAIMI NIK ABDUL RAHMAN

Budaya boleh dilihat daripada pelbagai perspektif. Salah satunya ialah peranannya dalam mempromosikan keamanan dan keharmonian antara pelbagai bangsa dan masyarakat. Dalam usaha untuk memahaminya, kita hendaklah jelas mengenai makna budaya itu sendiri. Ini adalah kerana budaya boleh ditakrifkan dalam pelbagai cara. Definisi itu bergantung pada apa yang kita faham.

Raymond Williams, misalnya, mendapati “budaya adalah salah satu daripada dua atau tiga perkataan yang paling rumit dalam Bahasa Inggeris”. Menurut Mary Sabina Zurbuchen dan Alan Feinstein, asalnya merujuk kepada proses pertumbuhan semula jadi, “budaya” bererti apa yang sedang “dinilai” atau “penting” dalam masyarakat [dan] dikandungi [dalam pemikiran Eropah] sebagai berdiri kontras dengan apa yang *vulgar* atau *common*. Hanya pada abad ke-20, budaya - dengan berhuruf kecil “b” atau “c” dalam bahasa Inggeris diiktiraf maknanya sebagai “keseluruhan cara hidup” (hal. 126). Oleh sebab itu, budaya adalah set khas kerohanian, kebendaan, intelektual dan ciri emosi masyarakat atau kelompok sosial. Budaya juga menggalakkan, selain seni dan sastera, gaya hidup, cara hidup bersama, sistem nilai, tradisi dan kepercayaan (UNESCO). Budaya boleh jadi dalam bentuk nyata atau tidak nyata.

Bercakap tentang budaya dalam bentuk nyata, ia merujuk kepada pelbagai bentuk budaya kebendaan, seperti pakaian, rumah, hiasan, benteng, istana, peralatan memasak, senjata dan banyak lagi; manakala budaya dalam bentuk tidak nyata terdiri daripada bahasa, sistem kepercayaan, sistem makanan, sistem tarian, sistem muzik dan lain-lain. Sisa-sisa budaya masa lalu adalah dalam bentuk warisan yang boleh menjadi nyata atau tidak nyata.

Asia Tenggara kaya dengan warisan budayanya. Ia menjadi milik masyarakat dan kerajaan masa lalu. Antara yang terkenal yang boleh dilihat sehingga kini ialah Angkor Wat di Kemboja, candi Borobudur dan Prambanan di Jawa dan peninggalan monumen di Padang Lawas, Sumatera. Terdapat juga monumen kecil yang dibina dalam abad 1 hingga abad ke-15 dan telah ditemui di tempat lain di Asia Tenggara, termasuk Lembah Bujang, Kedah (Malaysia), Pegu dan Pagan (Myanmar), sepanjang pantai bahagian tengah di Vietnam, Thailand dan Laos. Monumen-monumen itu adalah milik kerajaan tua seperti Funan, Campa, Kemboja, Kataha, Srivijaya, Sailendra, Dvaravati dan Sukhotai.

Sisa-sisa monumen di Asia Tenggara itu adalah hasil daripada pengaruh yang diterimanya dari India sama ada secara langsung atau tidak melalui proses yang dipanggil orientalis sebagai “Indianisation” atau yang dipanggil G. Coedès

sebagai “Hinduisation” dan lain-lain dalam pelbagai bentuk dan unsur budayanya, baik dari segi agama, seni ataupun sistem kepercayaan. Selain monumen keagamaan, budaya India juga membawa pengaruh bahasa (Sanskrit), sistem pemerintahan (ke-raja-an), institusi sosial dan sastera.

Pada abad ke-13/14, satu lagi peristiwa penting telah berlaku di Asia Tenggara, yang telah membawa perubahan kepada budaya dan agama khususnya di pulau-pulau dan Semenanjung Malaya. Peristiwa itu adalah kedatangan dan penyebaran ugama Islam kepada kerajaan masa itu yang sebelum itu di bawah kerajaan dan pengaruh Buddha dan Hindu.

Sejak abad ke-16, satu lagi peristiwa bersejarah telah berlaku dalam bentuk yang lain: kedatangan Barat. Ia bermula dengan kedatangan orang Portugis yang menakluki Melaka sehingga menguasai Selat Melaka. Ini kemudiannya disusuli kedatangan orang Belanda yang menakluki kepulauan Indonesia. Selain itu, orang Sepanyol pula menguasai Filipina, manakala orang Inggeris mengambil alih Malaya pada akhir abad ke-18 dan kemudiannya Perancis menakluki Indochina. Kedatangan kuasa Barat telah membawa impak besar dari segi sosial serta budaya ke atas banyak tempat di Asia Tenggara. Tempat-tempat itu telah menerima agama Kristian. Namun, pertukaran agama hanya berlaku di beberapa tempat di Asia Tenggara. Oleh itu, kesannya tidaklah sebesar kesan daripada budaya India dan agama Islam.

Meskipun demikian, semua peristiwa itu telah memberi kesan ke atas kemunculan kepelbagaian dalam budaya. Tidak diragukan bahawa sebelum kedatangan kebudayaan India dan kemudiannya budaya lain, pelbagai kebudayaan asli sudah terbentuk di kalangan etnik-etnik tempatan di Asia Tenggara. Selain itu, setengah budaya asli itu tetap tidak terpengaruh oleh budaya India, Islam dan Barat. Namun, seperti kita sedari kemunculan revolusi teknologi dan komunikasi masa kini telah membawa kita selangkah lebih dekat kepada apa yang disebut sebagai *kesekataan budaya*. Perkembangan itu telah meninggalkan keadaan yang buruk dengan budaya etnik minoriti sudah terpinggir dan akan ditenggelami budaya majoriti lain yang kuat. Hal ini disebabkan budaya sekata sendiri berasal dari budaya yang kuat.

Usaha harus dilakukan untuk memastikan budaya etnik itu tidak akan punah tanpa mengorbankan pula budaya majoriti. Hal ini disebabkan proses *kesekataan* yang memerlukan kita berjuang menentang banyak isu, termasuk pemerintahan, mata pencarian, hak asasi manusia dan keadilan sosial. Buruk atau “pentadbiran berat sebelah” dan ketidakadilan itu akan mengakibatkan timbulnya penentang dari kalangan rakyat yang akan menimbulkan pertikaian antara satu bangsa dengan yang lain sehingga tecetusnya benih kebencian. Sekiranya hal itu berlaku, tidak akan ada lagi kedamaian dan keharmonian di kalangan pelbagai etnik yang ada dalam sebuah negara dan juga antara sebuah negara dengan sebuah negara yang lain.

Hal ini disebabkan keupayaan budaya dalam mempromosikan keharmonian atau perpecahan antara satu dengan yang lain. Hal yang terpenting dalam

mempromosikan keharmonian adalah persefamanan daripada pelbagai etnik dalam sebuah masyarakat dan negara. Di sini pendemokrasian budaya sangat penting. Selain kolonialisme, imperialisme dan kesekataan yang dipengaruhi kuasa empayar, sejarah telah mengajar kita bahawa budaya etnik susah untuk digoyah di mana juga di muka bumi ini. Ini terbukti dengan kemunculan banyak negara merdeka, selain peningkatan jumlah budaya etnik yang bangkit semula. Kita juga nampak tahap yang bersifat global dengan keadaannya yang menjijikkan dan memuakkan terhadap teknokrat dan nilai anti-kemanusiaan yang dibawa ala gaya barat, yang cuba untuk memaksa nilai-nilai mereka ke atas negara yang kurang maju.

Bagi setengah pihak, orang yang menentang teknologi dan bentuk pembangunan ala Barat itu dicap yang menentang pembangunan. Mereka berpendapat budaya dan nilai tradisional menghalang proses pembangunan, selain berpegang kepada nilai tradisional ini cenderung kepada kemunduran kerana mereka tidak boleh maju sekalipun melalui usaha kerajaan membuka peluang kepada mereka dengan strategi yang terancang. Disebabkan itulah mereka anggap budaya tradisional tidak relevan kepada masyarakat moden. Sejauh mana persepsi mereka itu benar perlu dipertimbangkan dengan arus pembangunan masa kini di Asia Tenggara.

Pandangan lain tentang budaya tradisional dalam konteks pembangunan masa kini adalah budaya tradisional tidak berdaya untuk melawan serangan yang datang bertubi-tubi daripada pemodenan dan globalisasi. Cara hidup orang asli sedang diserang dan dibekukan serangan kerana pola penerapan budaya popular moden yang dibawa dari negara barat yang tidak sahaja telah menembusi masyarakat bandar, malahan masyarakat pedalaman.

Seperti yang dinyatakan tadi, negara di Asia Tenggara amat kaya dengan tradisi dan warisan budaya turun temurun. Namun, negara-negara itu menderita baik dari segi politik dan budaya kerana kesan dan kekuatan imperialis dan kolonialis barat dari abad ke-16. Akibatnya kebudayaan tradisional telah ditundukkan sehinggakan tidak lagi kekal menjadi kekuatan penting dalam proses pembangunan. Selain itu, nilai Barat telah menguasai fikiran perancang pembangunan yang berorinetasikan Barat. Oleh itu, ekonomi orang Asia Tenggara yang dahulunya kaya dan kuat itu telah menjadi lemah. Namun, sangatlah perlu untuk kita memelihara dan mengekalkan adat budaya dan nilai budaya tempatan dalam konteks pemodenan, pembangunan dan globalisasi sekarang. Budaya asli itu masih relevan lagi seperti berkurun-kurun yang lalu.

Untuk mewujudkan keharmonian antara satu bangsa dengan yang lain, ia harus bermula daripada bangsa itu sendiri. Banyak negara telah menyedari budaya adalah kekuatan yang amat penting dalam integrasi nasional. Namun, perselisihan antara kaum boleh tercetus jika hal itu tidak ditangani dengan baik. Kini, kita telah nampak kesan dari pertikaian antara satu etnik dengan yang lain di banyak negara. Untuk mengelakkannya di Asia Tenggara dan juga tempat lain, idea untuk mempromosikan demokrasi budaya serta nilai budaya sangat

diperlukan. Dalam pembangunan kebangsaan utama dan juga dalam melahirkan keharmonian, budaya telah diterapkan sebagai dimensi asas.

Tetapi, ada banyak bukti yang menunjukkan untuk mengamalkan budaya demokrasi, banyak rintangan perlu dilalui. Antaranya adalah ekstremisme dalam nasionalisme dan keagamaan. Akibatnya, dunia kini berdepan dengan masalah seperti pembersihan etnik, konflik kaum dan penindasan kaum. Antara cara untuk mencapai demokrasi budaya yang dikehendaki adalah melalui keupayaan kasih mengasihi antara satu sama lain, menerima perbezaan budaya dan bersikap toleran, selain perlu dihindari kecenderungan ke arah nasionalisme yang berlebihan, bersikap tidak toleran terhadap ugama lain serta pergesiran sosial-ekonomi dan juga perdagangan. Kerjasama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam mempromosikan budaya tradisional baik budaya dalam bentuk nyata dan tak nyata itu perlu juga ada. Itulah juga cara untuk mengabadikan warisan budaya dan budaya yang masih kekal.

Harus diadakan dasar-dasar kebudayaan untuk mencapai kehidupan harmoni antara pelbagai kumpulan etnik. Kerajaan perlu bertanggungjawab membentuk dasar kebudayaan dan garis panduan untuk mengambil keputusan dan tindakan, yang melibatkan kehidupan berbudaya. Menurut Augustin Gerard dan Genevieve Gentil (1983: 186) “dasar budaya mencerminkan [manusia] kini berdepan dengan pilihan antara mencari jalan untuk melarikan diri secara dungu dan putus asa ke dalam nihilisme, atau menghadapi masa depan dengan tegas dan yakin” Augustin Gerard juga mengatakan bahawa:

“Dasar adalah sistem untuk mencapai tujuan akhir dan cara, disahut satu kumpulan dan diterapkan pihak berkuasa. Dasar kebudayaan boleh dilihat dalam kesatuan pekerja, parti, gerakan pendidikan, lembaga, syarikat, bandar atau kerajaan. Tetapi tidak kira ejen mana yang terlibat, dasar budaya menunjukkan adanya tujuan akhir (jangka panjang), objektif (jangka menengah dan terukur) dan cara (laki-laki [sic], wang dan undang-undang), digabungkan dalam sistem yang koheren secara jelas”. (171-172)

Oleh itu, dasar kebudayaan perlu meliputi setiap aspek budaya berdasarkan demokrasi budaya. Demokrasi harus menjadi prinsip yang menjadi garis panduan tidak kira sama ada individu itu pendatang atau peribumi. Setiap orang sebaiknya diberi “hak untuk berbudaya” seperti yang dibayangkan dalam pengisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam “Deklarasi Hak Asasi Manusia”. Dasar budaya setiap bangsa haruslah mempertimbangkan harapan bahawa “setiap orang mempunyai hak untuk berpartisipasi dalam kegiatan kebudayaan masyarakat.”

Namun, dalam menyusun dasar budaya, orang yang bertanggungjawab perlu adil kepada setiap warga negara dan tidak boleh dipengaruhi pertimbangan politik kontemporari. Kaum minoriti dalam negara tidak boleh menuntut terlalu banyak daripada kerajaan. Mereka harus bertoleransi terhadap majoriti dan menghormati budaya dan adat masyarakat berbilang kaum. Tuntutan yang berlebihan akan menyebabkan ketidakstabilan.

Adalah penting untuk negara membangun seperti di Asia Tenggara mengekalkan dan mengembangkan tradisi budaya aslinya yang sudah berakar umbi turun temurun. Tradisi budaya asli itu adalah sumber tenaga dan ilham. Tetapi untuk mencapainya, harus diambil yang terbaik dari negara industri tanpa membebani mereka. Mereka harus juga mengatasi pengalaman masa lalu semasa di bawah kuasa penjajah. Oleh itu, harus dicari jalan untuk menghadapi pemodenan tanpa merosakkan budaya etnik. Antara cara untuk mengekalkan dan mengembangkan warisan budaya itu adalah mencari jalan untuk menggunakan warisan budaya dalam dunia moden. Untuk itu, negara di Asia Tenggara tidak boleh melakukannya bersendirian tetapi perlu mendapat sokongan dan kerjasama dari negara lain. Melalui kerjasama itu akan lahir rasa hormat menghormati antara sebuah negara dengan yang lain. Salah satu bentuk kerjasama itu adalah bekerjasama untuk mengekalkan warisan budaya bersama. Warisan budaya dan warisan hidup ini dapat memberi manfaat dalam memajukan ekonomi rakyatnya dan bangsanya. Ini akan menjadi produk utama bagi industri pelancongan.

Minat membangunkan pelancongan domestik itu adalah disebabkan pembesaran pasaran pelancongan di seluruh dunia, selain pelancongan telah menjadi industri yang berkembang dengan pesat. Walaupun terjadi kemelesetan pada awal 1990-an, industri pelancongan tetap berkembang di semua negara. Orang yang paling banyak berbelanja di industri pelancongan adalah yang kaya (Richard Prentice 1994: 4). Ini disebabkan pelancongan adalah pemenuhan keperluan diri, selain keperluan asasi yang harus diberi keutamaan. Dalam dekad 1983-1993, bilangan pelancong antarabangsa yang datang telah meningkat daripada 293 juta kepada 500 juta orang dengan peningkatan tahunan sebanyak 6.1% (Abdul Kadir Din 1997: 17).

Asia Timur dan Pasifik adalah yang paling besar merasai peningkatan pelancongan itu. Pada 1992, kedua-dua kawasan itu telah menerima 12,3% daripada pelancong dunia berbanding dengan 7.3% pada tahun 1980. Sementara itu, Malaysia telah mencatat peningkatan bilangan pelancongnya sebanyak 9.2%. Pada tahun 1992, sekitar 5,087,241 pelancong melawat Malaysia (Ibid: 17).

Dalam perhitungan jumlah pelancong, seorang pengunjung telah dianggap sebagai pelancong setelah bermalam di destinasiya (Seekings 1989). Pelancong, terutamanya yang mencari liburan, yang mengunjungi teman-teman dan kerabat dan yang lain untuk tujuan perniagaan telah dianggap sebagai eksport, walaupun ia tidak pergi ke mana (Richard Prentice 1994). Pelancong yang datang ke pelbagai destinasi itu tidak membawa produk yang mereka lihat bersama. Antara barang yang paling banyak dibawa pulang oleh pelancong adalah foto, cenderahati, dan mungkin kulit mereka menjadi hitam dek sinaran matahari dan kenangan (Richard Prentice 1994). Tuntutan industri pelancongan amatlah rumit dan ini pula bergantung pada jenis percutian yang dikehendaki mereka. Berikut ini kita akan memperkatakan tarikan warisan dalam pelancongan.

Warisan adalah produk yang menjadi tarikan utama dalam industri pelancongan. Kehebatan produk itu adalah daya tarikannya. Menurut Richard Prentice (1994: xiii) warisan yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain itu beraneka ragamnya. Di sini, warisan tidak hanya merangkumi pemandangan, sejarah semula jadi, bangunan, artifak dan tradisi budaya, tetapi juga hal-hal yang boleh ditonjolkan dan dipromosikan sebagai produk pelancongan (Richards Prentice 1994: 3).

UNESCO telah mentakrifkan warisan sebagai “harta budaya” yang meliputi harta yang sama ada boleh dilihat dengan mata kasar mahupun tidak. Yang tidak boleh dinampak itu meliputi bahasa; agama dan adat; manakala yang boleh dipandang itu meliputi yang boleh dipindah dan tidak boleh dipindah. Warisan yang boleh dipindah itu meliputi artifak dan fosil, sedangkan yang kekal itu termasuk persekitaran alam yang unik dan tapak arkeologi seperti benteng, istana, bangunan, tugu atau kuil. Kesemua itu telah diklasifikasikan kepada empat kategori utama:

1. Peninggalan arkeologi
2. Peristiwa dan rakaman bersejarah
3. Peninggalan budaya seperti bahasa, agama dan adat istiadat, dan
4. Peninggalan geologi, paleontologi dan ekologi

Daya tarikan *harta budaya* harus berkait rapat dengan cirinya yang unik. Di negara ASEAN, peninggalan arkeologi Angkor Watt, Borobudur dan Gua Mulu adalah antara harta budaya yang paling terkenal dan sungguh menakjubkan. Selain itu, negara yang mempunyai tapak warisan yang kurang menakjubkan seperti itu perlu menjadikan tapak yang berkenaan untuk menarik pelancong. Nilai warisan itu bergantung pada bagaimana warisan itu ditonjolkan kepada pelancong.

## KESIMPULAN

Budaya adalah kekuatan yang paling penting bagi integrasi bangsa dan antarabangsa, selain dapat mewujudkan kedamaian dan keharmonian jika ditangani dengan hati-hati. Tetapi, budaya juga boleh menjadi sumber perpecahan serta konflik. Oleh itu, dasar kebudayaan harus berdasarkan demokrasi budaya. Sekiranya tidak ada sekatan dikenakan dalam demokrasi budaya, pihak majoriti tidak akan berpuas hati; maka boleh mencetuskan ketidak-harmonisan. Oleh itu, pembuat polisi harus mempertimbangkan isu ini dengan bijak agar dapat melahirkan dasar yang terbaik. Yang penting adalah warisan budaya boleh membantu negara-negara Asia Tenggara mencapai tahap ekonomi yang lebih baik jika dipelihara dan dikembangkan menjadi produk pelancongan. Seelok-eloknya pemuliharaan warisan budaya itu dilakukan melalui kerjasama di kalangan negara Asia Tenggara.

RUJUKAN

- Abdul Kadir Haji Din 1997. Arkeo-Pelancongan Merentas Ruang dan Masa. Dlm Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. Et.al. (eds.). *Pembangunan Arkeologi Pelancongan Negeri Pahang*: 17-25. Pekan: Pahang: Lembaga Muzium Pahang.
- Allantic Provinces Economic Council. 1987. *Atlantic Canada Today*. Halifax: Formac.
- Batchelor B.C. 1977. Post Hoabinhian Coastal Settlements. *Federation Museum Journal*. 22: 1-55.
- Hassan Muarif Ambary. 1991. Sumberdaya Cultural Banten Lama: Potensi Serta Pemanfaatannya. *Jurnal Arkeologi Malaysia*: 30-44.
- Leong Sau Heng. 1977. Ancient Finds from Jenderam Hilir. *Malaysia in History* 10 (2): 38-47.
- \_\_\_\_\_. 1979. Archaeology in Peninsular Malaysia. *Indonesian Circle* 22: 73-78.
- Mingguan Malaysia*. 1991. Sunday 22 September: 11.
- Mohd. Radzi Bin Haji Ahmad. 1996. Perundangan dan Arkeologi. Dlm Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. et.al (eds.). *Pembangunan Arkeologi Pelancongan Negeri Pahang*: 147-154. Pekan: (Pahang): Lembaga Muzium Pahang.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. 1997. Challenges of Tourism For Heritage Site Management. Dlm Wendu Nutrient (eds.). *Tourism And Heritage Management*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Paiman Keromo. 1997. Garis Panduan Mengenai Konservasi Monumen dan Tapak Tanah Bersejarah.. Dlm Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. et.al (eds.). *Pembangunan Arkeologi Pelancongan Negeri Pahang*: 155-161. Pekan: Pahang: Lembaga Muzium Pahang.
- Prentice, Richard. 1994a. *Tourism And Heritage Attractions*. London: Routledge.
- \_\_\_\_\_. 1994b. *Tourism and Heritage Attractions*. London: Routledge.
- Seekings, J. 1989. Components of Tourism. Dlm Witt. S.F. and Moutinho, L. (eds.). *Tourism Marketing And Management Handbook*. Hemel Hampstead: Prentice Hall.
- Zurbachen, Mary Sabina & Feinstein, A. 1995. Philanthropic Support For Culture In Asia: An Issue Statement. Makita T. (ed). Dlm *Culture In Development And Globalization*. Tokyo; The Toyota Foundation.

(Sumber asal adalah makalah yang berjudul Role of Cultures in Promoting Harmony Among Nations in Southeast Asia, yang sudah diterbitkan dalam *Southeast Asian Cultural Values: Preservation and Promotion*. Phnom Penh: The Royal Akademik Kemboja – Asia Research Center & Korea Foundation for Advanced Studies (KFAS) 2005: 130-138).

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Ph D  
Felo Penyelidik Utama  
Institut Alam & Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Emel: nahas@ukm.my

Mohamad Zain Musa, Ph D  
Felo Penyelidik Kanan  
Institut Alam & Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Emel: matzen@pkrisc.cc.ukm.my